

**UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA
MENJAWAB PANDANGAN-PANDANGAN DARI AHLI-
AHLI YANG BERHORMAT DALAM ANGGARAN PER-
BELANJAAN DI DEWAN RAKYAT PADA 25 NOVEM-
BER, 1965**

Tuan Yang diPertua, saya telah melawat negeri Kelantan beberapa kali. Ada beratus-ratus kampung berkehendakkan masjid dan berkehendakkan surau, jadi tidak gunalah kita bercakap panjang. Kita semua tahu perkara ini, bukan Ahli-ahli PAS sahaja tahu negeri Kelantan, banyak orang Perikatan — saya sendiri — tahu keadaan negeri Kelantan pada masa ini. Seperti kata saya tadi, masjid Ibu Kota Negeri Kelantan tidak diperbaiki sedikit pun. Jadi dengan sebab itu — orang-orang Islam terpaksa sembahyang di atas rumput. Jadi saya telah menguntukkan wang 5100,000 dan saya telah diberi tahu dengan wang yang sebanyak ini dapatlah orang-orang Islam di Kota Bharu itu sembahyang dalam rumah, tidak di atas rumput.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh¹, ada menyebutkan berkenaan dengan Suruhanjaya Gaji (Salaries Commission). Katanya, "Commission" ini lambat menjalankan tugas, dan pekerjaannya belum lagi siap. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri patut tahu, sebagai seorang Menteri Besar, bagaimana sulitnya perkara tangga gaji dan masalah gaji-gaji pegawai Kerajaan. Perkara ini mustahak lah disiasat dan ditimbang dengan halus sebelum diberi apa-apa keputusan. Jadi Suruhanjaya Gaji ini hanyalah baharu bekerja, dalam lima enam bulan, dan tentulah tidak dapat hendak menyempurnakan pekerjaan yang besar itu dalam masa yang sangat singkat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini ada mendatangkan pandangan, berkenaan dengan Pertahanan. Katanya sungguhpun beliau menyokong Perbelanjaan Pertahanan dan rancangan hendak membesar dan meluaskan lagi tentera kita, tetapi katanya Kerajaan tidak menghiraukan sungutan-sungutan dan rasa tidak puas hati di kalangan tentera dan juga penderitaan.

Saya suka sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, ucapan seperti ini sangatlah tidak patut diperbuat dengan keadaan yang ada dalam negara kita pada masa ini. Kita sedang menghadapi darurat, kita sedang menghadapi keadaan perang, kita patutlah bercermat sedikit bercakap atau berucap diatas perkara-perkara yang boleh menyentuh keselamatan dalam negara kita ini. Saya berdukacita bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh¹ seorang Menteri Besar, yang ada mempunyai tanggung-

1 Dato' Mohamad Asri bin Haji Muda.

jawab dalam hal pertahanan-pertahanan dan keselamatan dalam negeri, telah membesar-besarkan perkara-perkara ini iaitu perkara yang sebenar-benarnya tidak ada asas langsung iaitu khabar-khabar angin yang disebutkan dalam surat yang dihantarkan kepada akhbar-akhbar. Jadi percakapan yang semacam ini boleh menimbulkan perasaan bimbang di kalangan tentera-tentera kita dan rasa tidak puas hati di kalangan mereka itu. Jadi dengan sebab itulah saya berharap kita tidak membuat ucapan, atas perkara yang semacam ini, yang boleh saya kata merosakkan keselamatan dan ketenteraman negara kita.

Saya telah terangkan melalui akhbar, bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah dan telah menjalankan apa juga langkah-langkah yang patut untuk menjaga kepentingan-kepentingan ahli-ahli tentera kita dan Kerajaan telah memberi layanan yang sempurna kepada tentera-tentera kita. Baharu-baharu ini Kerajaan telah mengambil langkah menaikkan gaji ahli-ahli pasukan biasa tentera kita iaitu tiap-tiap orang dapat sekurang-kurang \$10.00 sebulan dan setinggi-tingginya \$27.50 dan sekarang kita sedang menyemak supaya diberi kenaikan gaji yang tetap. Begitu jugalah kepada tentera-tentera yang berkhimdat di Sabah dan di Sarawak, kita telah membuat bayaran sugu hati khas kepada mereka itu kerana didapati perbelanjaan sara hidup di Sabah dan di Sarawak ini tinggi dan Kerajaan tidak ada niat hendak menarik balik pembayaran itu. Keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu semata-mata tidak benar dan berupa, seperti saya katakan tadi, khabar-khabar angin yang dusta sahaja.

Berkenaan dengan masalah cuti sebelum dan selepas berkhidmat di Sabah dan Sarawak disebabkan Sabah dan Sarawak adalah negeri-negeri dalam Malaysia dan bukan negeri luar Malaysia, maka mereka yang berkhidmat di situ tidaklah mendapat cuti khas sebelum pergi ataupun selepas balik daripada berkhidmat. Akan tetapi, bila seseorang perajurit itu berkehendakkan cuti untuk hendak menguruskan hal-hal rumahtangganya ataupun hal-hal yang lain, mereka sentiasa diberi cuti mengikut peraturan yang tertentu. Inilah peraturan yang biasa kita jalankan dikalangan tentera-tentera kita pada masa yang lalu.

Berkenaan dengan layanan telegram, saya suka menegaskan, tidak ada halangan bagi waris-waris tentera kita yang bertugas di Sabah dan di Sarawak menghantar telegram terus kepada mereka itu. Tetapi jika seorang askar itu hendak mengambil cuti dengan cara belas kasihan atau compassionate leave di atas perbelanjaan Kerajaan, maka mustahaklah Kerajaan dan Kementerian Pertahanan diberitahu, supaya dapat mengesahkan peristiwa itu dan memberi cuti seperti yang dikehendaki. Peraturan supaya telegram yang semacam itu dihantar melalui Kementerian Pertahanan, ialah supaya urusan mengesahkan sesuatu peristiwa

yang berlaku itu dan juga kelulusan hendak meminta cuti itu dapat dijalankan dengan seberapa segera.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, ada juga menyebutkan bahawa gaji askar-askar kita berbeza dan kurang jika dibandingkan dengan askar-askar negeri lain di Komanwel. Saya suka menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa gaji askar-askar kita dan juga gaji pegawai-pegawai perkhidmatan awam, adalah ditentukan menurut keadaan negara kita sebagai sebuah negara di Asia yang baharu mencapai kemerdekaan dan yang sedang menuju ke arah kemajuan. Kita tidaklah dapat hendak mengikut keadaan negeri-negeri yang telah berkemajuan, seperti negeri-negeri di Eropah dan negeri Barat.

Askar-askar kita sendiri faham atas hal ini. Gaji dan juga layanan serta kelebihan-kelebihan yang diberi kepada ahli-ahli tentera kita adalah adil jika kita hendak bandingkan dengan kelebihan-kelebihan yang diberi kepada pegawai-pegawai lain — pegawai-pegawai awam dan juga pegawai-pegawai polis. Kita telah menjalankan perkara ini menurut peraturan yang sempurna dan cara yang teratur. Kalau kita hendak ikut keadaan negeri yang mempunyai hasil yang lebih dan telah maju, serta mempunyai tingkatan taraf hidup yang tinggi, tentulah kita tidak mampu. Saya suka menegaskan, Kerajaan Perikatan adalah memberi layanan yang sempurna dengan cara yang difikirkan menasabah dan patut kepada tentera-tentera kita yang menjalankan perkhidmatan mempertahankan tanahair kita. Kita sentiasa memandang tinggi jasa-jasa mereka itu, dan seperti saya telah sebutkan, segala kepentingan dan kesulitan mereka itu sentiasa diperhatikan dan ahli-ahli tentera kita sendiri faham atas hal ini dan mereka itu mempunyai taat setia yang tinggi dan perasaan kasih sayang kepada bangsa dan negara kita. Mereka sedia menjalankan tugas mereka itu dengan mengorbankan tenaga dan jiwa mereka itu untuk bangsa dan negara. Layanan yang kita beri kepada tentera kita, tidak kurang, bahkan boleh dikatakan lebih sempurna daripada layanan-layanan yang diberi ataupun yang didapati oleh tentera-tentera di negara-negara yang lain di benua Asia ini. Apa yang patut, yang kita boleh buat untuk kepentingan tentera kita, Kerajaan telah jalankan dan akan jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara lagi yang saya suka sebutkan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap². Saya tidak tahu, samada perkara itu telah dijawab oleh rakan saya Menteri Perdagangan dan Perusahaan³ ataupun tidak, iaitu berkenaan dengan jawatan-jawatan dalam gedung-gedung perniagaan dan perusahaan. Kata Ahli

Datin Fatimah binti Haji Hashim.

³**Dr. Lim Swee Aun.**

Yang Berhormat ini, mustahaklah jawatan-jawatan ini diberi kepada warganegara Malaysia. Kerajaan telah mengambil tindakan di atas hal ini dan perkara ini di jaga oleh satu Jawantankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Gedung-gedung dan estet-estet telah diminta menyediakan rancangan cara-cara mereka itu hendak menggunakan warganegara di negeri ini dalam gedung-gedung dan estet-estet mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan⁴, telah mencadangkan iaitu patutlah diadakan Works Brigade untuk mengatasi soal pengangguran di luar bandar. Kerajaan adalah sentiasa mengambil berat di atas masalah mencari pekerjaan untuk pemuda-pemuda kita, baik di bandar atau di luar bandar, dan beberapa rancangan-rancangan telah ditimbang. Akan tetapi, perkara ini ada berkait dengan masalah tanah dan saya harap dapat menjalankan perundingan lagi dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, supaya satu rancangan yang sesuai dapat diadakan untuk menolong pemuda-pemuda yang tidak ada pekerjaan supaya mendapat pekerjaan bagi mereka itu hendak mencari nafkah hidup.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada mencadangkan iaitu patutlah Pejabat Kerja Raya menggunakan pekerja-pekerjanya sendiri untuk melaksanakan rancangan-rancangan. Perkara ini, yang sebenar, telah dijalankan di satu dua negeri dan saya akan menjalankan siasatan bersama dengan Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom⁵, dan jika perkara ini dapat diperluaskan lagi, Kerajaan akan mengambil langkah untuk meluaskan lagi supaya dapat penduduk-penduduk di luar bandar menerima pekerjaan-pekerjaan di bawah Pejabat Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja perkara-perkara yang saya hendak sebutkan dalam menjawab pandangan-pandangan yang didatangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya suka mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada butir-butir yang terkandung dalam Anggaran Perbelanjaan atau Budget yang ada di hadapan kita ini. Terima kasih.

⁴

Dr. Mahathir bin Mohamed

⁵**Datuk V. T. Sambanthan.**